

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Proses pendidikan di seluruh dunia telah mengalami perubahan yang radikal. Salah satu puncanya ialah penggunaan komputer dan teknologi yang wujud hasil daripada integrasi antara pengkomputeran dan alat komunikasi (Zaharah Kassim, 2000). Jika dahulu kita hanya dikehendaki mempunyai kebolehan untuk membaca, menulis dan mengira, tetapi kini bukan sahaja memerlukan kemahiran tersebut tetapi juga memerlukan kemahiran menggunakan maklumat kerana ia merupakan sumber yang amat penting pada abad ini. Maklumat boleh diperolehi daripada sumber konvensional atau terkini. Maklumat daripada sumber konvensional didapati daripada bahan bercetak, individu dan tempat, manakala sumber terkini didapati melalui akses kepada teknologi antaranya adalah teknologi komputer dan telekomunikasi (Siitonem, 1996).

Teknologi komputer telah digunakan dengan meluas dalam pelbagai bidang di Malaysia sejak awal tahun 80-an lagi. Namun begitu potensi teknologi ini tidak digunakan sepenuhnya di sekolah kerana ia hanya digunakan sebagai alat pandang dengar sahaja. Komputer biasanya di letakkan di bilik khas dan hanya digunakan untuk mengajar literasi komputer.

Namun kini masyarakat Malaysia khasnya telah terdedah kepada kecanggihan teknologi yang tidak pernah difikirkan generasi dahulu. Sekarang ini, penghantaran data, suara dan video boleh dilakukan serta merta dan serentak ke seluruh dunia. Kemunculan teknologi

maklumat merupakan revolusi ketiga setelah penciptaan abjad pada revolusi pertama dan pencetakan pada revolusi kedua. Malaysia tidak mahu ketinggalan dalam arus ini telah mengambil beberapa langkah antaranya mewujudkan Kondor Raya Multimedia (MSC) dan lanjutan daripada itu telah muncul Konsep Pendidikan Bestari.

Pendidikan Bestari ini akan dijalankan di Sekolah Bestari yang merujuk kepada sekolah yang memberikan peluang teknologi maklumat interaktif untuk memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran serta proses pengurusan sekolah. Fokus sekolah ini untuk melahirkan "Kanak-kanak Bestari" iaitu mereka yang kreatif dan berupaya menjana maklumat baru. Sekolah ini pula akan memberi penekanan kepada perkembangan individu secara menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada domain intelektual dan domain afektif (Abdul Aziz Kulop Saad, 2000). Justeru teknologi terbaru akan digunakan untuk mengembangkan peranan pengajaran melampaui bilik darjah biasa dan mempertingkatkan kualiti pengajaran ke arah akses sendiri, terarah sendiri dan mengikut kadar pembelajaran individu (Pusat Teknologi Pendidikan dan Media UPSI, 1997). Perubahan ini sekaligus menyebabkan perubahan dalam penggunaan bahan sumber utama dan sampingan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Pada tahun 1996 kurikulum Futuristik diperkenalkan bagi mewujudkan satu matlamat pendidikan yang tidak semata-mata berorientasikan peperiksaan. Kemuncaknya pada tahun 1999 Projek Rintis Sekolah Bestari telah dilaksanakan. Sebanyak 87 buah sekolah di seluruh negara sedang dalam pelaksanaan projek rintis ini selama tiga tahun.

Menikuti Pasukan Projek Rintis Sekolah Bestari Kementerian Pendidikan, Sekolah Bestari Malaysia ialah institusi pembelajaran yang direka semula secara menyeluruh dari segi proses pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan sekolah untuk membantu murid menghadapi zaman maklumat. Sekolah Bestari juga ditafsirkan sebagai Sekolah Berkualiti oleh Glasser (1990), Sekolah Hari Esok oleh Berres (1996) dan Sekolah yang dirombak semula oleh Reavis (1992).

Sekolah Bestari merupakan satu daripada tujuh Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia. Sekolah ini menekankan penggunaan teknologi maklumat sebagai salah satu komponen utama dalam pembelajaran. Program ini akan menukarkan fungsi guru daripada tenaga pengajar yang memberi maklumat kepada fasilitator atau pembimbing yang memandu pelajar mencari maklumat melalui komputer. Ini tidak bermakna buku atau bahan pendidikan yang bercetak akan terus dipinggirkan. Menurut Warming (1982) menjelang abad 21 penggunaan teknologi dan media elektronik semakin canggih, namun begitu buku teks masih digunakan sebagai sumber rujukan penting di bilik darjah, di mana 80% pengajaran yang dilakukan berdasarkan kepada buku teks. Namun begitu pendapat Abdul Rahim Saad (1996) dan Olson (1983) juga perlu diambilkira, mereka menegaskan buku teks merupakan satu saluran untuk menyampaikan maklumat kepada generasi baru dan ia memerlukan kepada format yang ideal dan reka bentuk yang efisien dan efektif. Ini kerana menurut Clarke (1992) pelajar membaca 20% hingga 30% lebih perlahan di atas skrin daripada di atas helaian kertas.

Buku teks telah menjadi satu media penyampai maklumat yang penting kepada para guru dan pelajar sejak zaman berzaman lagi. Dalam era Sekolah Bestari ini adakah buku teks tetap akan menjadi bahan rujukan utama kepada pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Sememangnya tidak dapat dinafikan selama ini peranan buku teks juga penting dalam implikasinya kepada budaya membaca, budaya ilmu, literasi budaya dan pemilihan tamadun. Buku teks juga boleh menyeragamkan serta mencantumkan dasar kerajaan dan sekolah. Ini kerana buku teks yang dihasilkan telah melalui proses kawalan penerbitan yang ketat yang dilakukan Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh sebab itu wajarlah buku teks terus digunakan semaksimum mungkin dalam proses pengajaran dan pengajaran. Kegagalan menggunakan bahan ini dikhuatiri boleh menggagalkan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjurus kepada pembinaan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Walau bagaimanapun kini di sekolah tidak ramai guru yang menggunakan buku teks semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Abdul Majid *et. al.* (1999). Hasil kajian mendapati kini buku teks sekolah menengah tidak lagi digunakan oleh para guru dan pelajar kerana masalah-masalah di bawah :

1. Kandungan dan maklumat yang terdapat dalam buku teks tidak lagi sesuai digunakan sekarang ini.
2. Terdapat fakta yang tidak tepat dan tidak terkini.

3. Penggunaan buku kerja dan buku ulangkaji sebagai jalan mudah .
4. Maklumat tidak mengikut perkembangan isu semasa.
5. Beberapa penekanan baru tidak terdapat dalam buku teks seperti penerapan unsur kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

Hasil kajian oleh Noor Azuwan (1997) pula menyatakan bahawa pada persepsi guru sebilangan besar buku teks mempunyai kejelasan tentang peranan dan penggunaannya dan mereka juga turut menyedari terdapatnya masalah kualiti dalam penggunaan buku teks.

Berdasarkan hasil kajian di atas timbul persoalan adakah buku teks yang digunapakai di sekolah sekarang ini relevan digunakan terutamanya digunakan untuk rujukan guru dan pelajar di Sekolah Bestari? Ini kerana program Sekolah Bestari sedang giat dijalankan dan menjelang tahun 2010 semua sekolah akan berubah menjadi Sekolah Bestari. Kini terdapat 87 buah sekolah dalam projek Rintis Sekolah Bestari mengikut *Concept Request For Proposal* untuk Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sekolah Bestari Malaysia adalah hasil daripada tindakan rombakan semula sistem yang ada. Di Malaysia usaha ini telah beberapa kali dilaksanakan sama ada secara kecil atau besar, dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) serta wujudnya pejabat pendidikan daerah sebagai pemecahan kuasa pengurusan berpusat. Rombakan ini adalah untuk perkembangan sistem pendidikan di Malaysia.

Sekolah Bestari pula menekankan:

1. Pengurusan yang tidak berpusat. Pemindahan kuasa, kawalan, pengaruh, tanggungjawab dan membuat keputusan dari pusat ke peringkat sekolah menjadi kebebasan untuk menentukan apa yang terbaik – pentadbir dan guru adalah golongan professional.
2. Kualiti terutama dari segi pengajaran dan pembelajaran. Suasana belajar dan mengajar penuh dengan pilihan iaitu tidak ada yang ditetapkan oleh orang luar. Kurikulum mengambilkira pelbagai kebolehan dan keperluan – Menyediakan iklim yang sesuai untuk pembelajaran.
3. Perubahan yang lengkap, berkait antara bahagian atau sistemik, semua pelajar, guru, guru besar/pengetua, keluarga dan ahli masyarakat terlibat dalam perubahan – Mendapatkan sokongan ibu bapa dan komuniti.
4. Aplikasi teknologi dalam pengurusan sekolah dan juga pengajaran dan pembelajaran. Ciri ini berkait rapat dengan penggunaan komputer sebagai alat penting dalam pengurusan sistem maklumat.
5. Pendidikan Bestari mengandaikan semua murid mampu belajar.
6. Penilaian yang berterusan.

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal konsep Sekolah Bestari pada tahun 1996. Konsep Sekolah Bestari berpusatkan pengajaran dan pembelajaran berpemikiran kritis dan kreatif. Teknologi sebagai pengupaya menjadi komponen penting dalam konsep Sekolah Bestari. Komponen utama tersebut adalah:

1. **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN.** Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan teras atau jantung Sekolah Bestari. Proses berkaitan dengan kurikulum, pedagogi, pentaksiran dan bahan pengajaran dan pembelajaran direka semula untuk membantu murid belajar dengan lebih berkesan dan cekap. Sekolah Bestari akan mendorong murid mengamalkan pembelajaran akses sendiri dan terarah sendiri, serta kadar pembelajaran sendiri.
2. **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN.** Pengurusan dan pentadbiran Sekolah Bestari merupakan penggerak dan otak Sekolah Bestari akan dikomputerkan. Perisian pengurusan akan membantu pengurus sekolah mengurus dengan cekap dan berkesan sumber dan proses yang diperlukan untuk menyokong fungsi pengajaran dan pembelajaran.
3. **SUMBER MANUSIA, KEMAHIRAN DAN TANGGUNGJAWAB.** Ibu bapa, komuniti dan pihak swasta sebagai pihak yang berkepentingan akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam meningkatkan prestasi sekolah. Semua pihak ini akan sentiasa terlibat dalam peningkatan profesionalisme atau keilmuan berkait dengan pengurusan sekolah, pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya.
4. **PROSES.** Proses Sekolah Bestari dianggap sebagai satu sistem. Proses Sekolah Bestari dikaji dengan teliti dan disemak untuk memastikan sistem tersebut dibekalkan dengan input yang tepat dan berfungsi untuk menghasilkan output yang dikehendaki.
5. **TEKNOLOGI.** Teknologi digunakan sebagai pengupaya kepada amalan Sekolah Bestari seperti pengajaran dan pembelajaran, pengurusan, dan perhubungan dengan pihak luar.

Dalam konsep Sekolah Bestari ini semua sekolah akan dirangkaikan dengan jaringan komputer termasuk Internet. Ini akan membawa perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Di sini guru bukan lagi sebagai penunjuk ajar tetapi hanya berperanan sebagai pembimbing. Para pelajar pula akan bertindak secara bebas untuk mencari maklumat melalui rangkaian ini dan mereka akan dididik membuat keputusan sendiri. Kajian menunjukkan penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan mampu merangsang pelajar, yang akhirnya berupaya menaikkan kadar kehadiran, meningkatkan gred pelajar dan mengurangkan kes ponteng sekolah. Bahan multimedia interaktif yang dilengkapi dengan audio, grafik dan animasi dipercayai dapat menarik minat pelajar supaya mereka tidak berasa bosan dan dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap proses pembelajaran (Thomas, 1996). Perubahan dalam pencarian maklumat secara bebas dalam talian ini akan menyebabkan peranan buku teks akan berubah. Jadi apakah peranan buku teks kepada pelajar dan guru di Sekolah Bestari?

Justeru, satu penyelidikan perlu dilakukan untuk menghuraikan konsep pendidikan bestari di Malaysia. Penyelidikan juga perlu untuk mengetahui sama ada buku teks yang digunakan di sekolah masih menjadi bahan rujukan pelajar dan guru. Seterusnya mengetahui tahap penggunaan buku teks di Sekolah Bestari. Ini penting kerana kerajaan membelanjakan jutaan ringgit setiap tahun untuk memperuntukkan buku teks ke sekolah-sekolah. Pada tahun 2000 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperuntukkan RM 1.241 juta untuk tujuan pembekalan buku-buku teks cetakan semula untuk tambahan dan gantian manakala RM 685,784 pula diperuntukkan untuk bekalan buku-buku teks baru. Peruntukan ini akan bertambah setiap

tahun disebabkan penambahan pelajar, penggantian buku-buku teks yang rosak dan pembekalan buku-buku teks baru disebabkan perubahan Huraian Sukatan Pelajaran. (Laporan oleh Dr. Wan Fatimah bt Mohd. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Berlaku satu pembaziran yang melampau jika buku teks yang diperuntukkan tidak digunakan semaksimum mungkin. Pengkaji akan membuat penilaian penggunaan buku-buku teks empat mata pelajaran yang terlibat dalam program Sekolah Bestari. Selain itu kajian juga perlu dibuat untuk mengetahui amalan dan persepsi para pelajar dan guru dalam penggunaan buku teks agar sebarang perubahan boleh dilakukan dengan segera. Ini kerana buku teks untuk sekolah menengah masih dalam peringkat penerbitan, oleh sebab itu sebarang perubahan tidak akan menyebabkan pertambahan kos yang tinggi berbanding apabila buku tersebut dibuat perubahan apabila telah siap diterbitkan.

Kajian juga dibuat untuk mengetahui buku teks yang bagaimana yang menjadi pilihan guru dan pelajar di Sekolah Bestari. Pendapat guru dan pelajar perlu diambilkira untuk menghasilkan buku teks yang sesuai untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari. Justeru buku teks akan terus digunakan dan meneruskan peranan sebagai salah satu daripada agen pembentukan negara seperti yang diperkatakan oleh Albatch (1987) "*a textbook are in a way, an illustration of national will and national policy in many countries*".

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif berikut:

1. Menghuraikan konsep Pendidikan Bestari dalam konteks pendidikan di Malaysia.
2. Mengenal pasti sejauh mana tahap relevannya penggunaan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari.
3. Mengenal pasti pandangan dan amalan pelajar dalam penggunaan buku teks.
4. Mengenal pasti pandangan dan amalan guru dalam penggunaan buku teks.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat yang berguna kepada Bahagian Buku Teks Kementerian Pendidikan untuk mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diberi penekanan yang lebih dalam menghasilkan buku teks pada masa akan datang agar buku tersebut dapat memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari. Ini kerana Bahagian buku Teks Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab untuk memperakukan buku tersebut sebelum buku boleh diedarkan ke sekolah-sekolah.

Bahagian Buku Teks juga boleh membuat satu garis panduan kepada para penulis dan penerbit yang hendak menghasilkan buku teks pada masa akan datang. Bahagian Penilaian buku teks pula boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai salah satu panduan untuk membuat penilaian semasa pemilihan buku teks untuk diterbitkan.

Maklumat yang diberikan oleh para guru dan pelajar tidak boleh dipandang ringan sahaja. Pandangan mereka dapat dijadikan panduan untuk menghasilkan buku yang berkualiti kerana mereka yang menggunakan bahan tersebut. Oleh sebab itu jika buku tersebut

mempunyai kelemahan tertentu, maka mereka akan dapat mengesannya. Maklumat yang diperolehi juga diharapkan dapat menjadi salah satu panduan kepada para penulis dan penerbit dalam menghasilkan buku teks yang sesuai untuk pendidikan bestari. Melalui maklumat ini mereka boleh menilai kekuatan dan kelemahan buku-buku yang sedang dalam proses penerbitan tersebut dan jika perlu boleh membuat sebarang perubahan dengan segera jika ianya relevan. Perubahan boleh dibuat sama ada sekarang atau setelah buku tersebut diedarkan.

Dasar Edaran Penggunaan Buku, Kementerian Pendidikan menyatakan... "buku teks bagi sekolah rendah dinilai semula selepas 3 tahun penggunaan dan bagi sekolah menengah selepas 4 tahun. Hanya buku yang benar-benar lemah kandungannya akan ditulis semula dan digantikan dengan buku-buku baru. Walau bagaimanapun jika terdapat buku-buku teks yang mutunya sangat rendah walaupun tempoh penggunaannya belum cukup, buku tersebut boleh dinilai semula.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah ke-11, 1989).

1.5. BATASANKAJIAN

Kajian ini terbatas kepada Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih kerana hanya di sini terdapatnya ketiga-tiga kategori aras teknologi Sekolah Bestari. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat 10 buah Sekolah Bestari yang termasuk dalam Projek Rintis Sekolah Bestari, Kementerian Pendidikan Malaysia. Empat buah sekolah telah dipilih sebagai sampel

dalam kajian ini. Sekolah-sekolah ini tergolong dalam kategori gred A, B+ dan B. Empat buah sekolah yang dipilih mewakili tiga kategori gred yang ada.

1. Sekolah gred A – Terdapat 4 buah sekolah dalam gred ini. Sekolah gred A adalah sekolah yang berada dalam kompleks yang baru dan segala kemudahan daripada aspek fizikal dan kemudahan teknologi maklumat disediakan oleh pihak pemaju. Di dalam setiap bilik darjah akan disediakan 6 buah komputer dan menempatkan maksimum 35 orang pelajar. Sekolah yang dipilih untuk kajian ialah Sekolah Kebangsaan Kompleks Bukit Bintang (utara). Semua pelajarnya perempuan.
2. Sekolah gred B+ - Terdapat sebuah sekolah sahaja dalam gred ini. Sekolah ini menggunakan bangunan sekolah yang telah ada dan diberi tempoh selama setahun untuk menyediakan dan melengkapkan bilik-bilik bestari dengan komputer dan peralatan lain. 15 buah bilik darjah dipilih dan dmuatkan dengan dengan 5 buah komputer setiap satu bilik. Sekolah yang dipilih untuk kajian adalah Sekolah Menengah Alam Shah. Semua pelajar sekolah ini lelaki. (Sekolah ini berpindah ke Putrajaya pada tahun 2003)
3. Sekolah Bestari gred B – Terdapat 5 buah sekolah gred ini. Sekolah ini juga masih menggunakan bangunan sekolah yang ada dan diberi tempoh selama setahun untuk menyediakan dan melengkapkan bilik-bilik bestari dengan komputer dan peralatan yang lain. Sekolah ini mempunyai satu makmal komputer yang memuatkan 20 buah komputer. Sekolah yang dipilih untuk kajian ialah Sekolah Menengah Victoria yang juga dipilih untuk kajian rintis dan Sekolah Menengah Sains Selangor. Sekolah ini mempunyai pelajar lelaki dan perempuan.

Pengkaji memilih tiga buah sekolah dengan kriteria yang berbeza adalah untuk mendapatkan pelbagai maklumat daripada pelbagai sudut pandangan agar maklumat tersebut lebih relevan untuk diketengahkan.

Pengkaji juga membataskan responden daripada kalangan pelajar tingkatan dua sahaja. Ini kerana Pelajar tingkatan satu baru sahaja menjejakkan kaki ke sekolah tersebut dan sukar untuk memberikan maklumat yang diperlukan. Manakala pelajar tingkatan tiga tidak dipilih kerana mereka akan terlibat dengan peperiksaan awam pada bulan Oktober tahun ini. Pengkaji akan memilih pelajar daripada dua buah kelas setiap sekolah yang dikaji. Responden daripada kalangan guru pula adalah semua guru tingkatan dua yang mengajar Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik iaitu mata pelajaran yang terlibat dalam program pendidikan bestari dan disediakan bahan perisian pengajaran dan pembelajaran oleh Telekom Smart School Sdn. Bhd.

Dapatan kajian ini tidak sepenuhnya menggambarkan tahap penggunaan buku teks di sekolah-sekolah bestari yang terlibat dalam Program Projek Rintis Sekolah Bestari tetapi tetap dapat memberikan maklumat yang diperlukan untuk melihat senario penggunaan buku teks dan juga mengesan kelemahan dan kekuatan buku teks yang digunapakai di sekolah tempat kajian dijalankan.

1.6 TINJAUAN KAJIAN PENGGUNAAN BUKU TEKS

Husin Ahmad (1993) menegaskan bahawa penilaian buku teks dari semasa ke semasa dalam semua aspek dan tindakan sewajarnya perlu diambil untuk mengatasi kelemahan serta masalah yang berkaitan dengannya supaya buku teks menjadi benar-benar berkualiti. Ini kerana buku teks adalah bahan asas pembelajaran guru dan pelajar. Buku yang berkualiti dapat menjamin penggunaan yang optimum.

Mohd Hilmi Hj Ismail (1982) pula mendapati ramai guru yang terlalu bergantung kepada buku-buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran mereka dan segera mahu menamatkan sukatan pelajaran kerana hendak menyediakan para pelajar menghadapi peperiksaan yang sudah tentu berdasarkan sukatan pelajaran itu. Ini menunjukkan bahawa pada masa ini buku teks kerap digunakan dan bahan penting pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Mat Nor Hussin *et. al.* (1986) buku teks telah digunakan secara meluas sebagai alat bantu mengajar di sekolah-sekolah dan institut penyelidikan. Namun begitu ini tidak bermakna buku teks adalah satu cara baik untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau pengetahuan. Pernyataan ini menunjukkan bahawa buku teks tidaklah perlu digunakan sepanjang masa dan perlulah ada bahan lain sebagai alat bantu mengajar.

Zulkifli *et. al.* (1995) juga mendapati bahawa buku teks digunakan dengan meluas oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Buku teks digunakan dalam pelbagai tujuan dan berupaya untuk membantu proses pengajaran dan

pembelajaran. Antara kegunaan buku teks kepada pelajar ialah sebagai bahan untuk mendapatkan teks utama dalam pembelajaran, sebagai bahan rujukan utama, bahan untuk mengulangkaji pelajaran dan juga digunakan untuk membuat latihan serta mendapatkan maklumat untuk mata pelajaran lain. Bagi pihak guru pula buku teks penting untuk mendapatkan teks utama dalam pengajaran, bahan rujukan utama, penyediaan bahan ulangkaji untuk pelajar, membantu menyediakan latihan untuk pelajar dan juga bahan rujukan guru untuk menyediakan rancangan mengajar. Kajian ini membuktikan bahawa buku teks kerap digunakan para pelajar dan guru.

Abd. Majid *et. al.* (1999) pula berpendapat bahawa penggunaan buku teks yang kerap oleh guru dan pelajar adalah untuk beberapa mata pelajaran tertentu sahaja khususnya sebagai bahan ulangkaji. Kajian mendapati buku kerja merupakan bahan paling berguna untuk pengajaran dan pembelajaran. Buku teks merupakan bahan kedua paling berguna.

Jemaah Nazir Sekolah (2000) kajian mendapati guru-guru sekolah menengah masih menggunakan buku teks dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tinjauan mendapati guru-guru menggunakan buku teks dalam aktiviti pemulihan, pengayaan dan pengukuhan dalam kelas, di samping menggunakannya untuk memberi kerja rumah kepada pelajar, mengarahkan pelajar membuat persediaan untuk pelajaran berikutnya dan untuk memastikan pelajar menggunakannya bagi menghadapi peperiksaan awam. Dalam aktiviti-aktiviti di atas, didapati buku teks digunakan bagi tujuan merujuk, mengenal, mengingat, memahami dan menguasai fakta, konsep, ilustrasi dan untuk melihat contoh. Kajian juga mendapati guru-guru menggunakan buku teks kurang daripada 50% waktu

mata pelajaran untuk aktiviti-aktiviti pengajaran, pembelajaran, pengayaan dan pengukuhan dalam kelas.

Hasil kajian Dr.Wan Fatimah binti Mohd (2000) mendapati penggunaan buku teks di kalangan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran lebih ketara bagi mata pelajaran tertentu sahaja seperti sejarah, matematik dan matematik tambahan. Para pelajar menggunakan buku teks lebih kepada untuk menyiapkan kerja rumah. Bahan lain yang digunakan pelajar untuk membuat rujukan ialah buku rujukan. Kajian ini mendapati sebahagian besar guru positif dalam menggunakan buku teks. Tujuan dan tahap penggunaan buku teks di kalangan guru berbeza mengikut mata pelajaran dan kesesuaian bahan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Schiefelbein *et.al.* (1983) menyatakan tentang pola penggunaan buku teks adalah berbeza-beza. Menurut kajian mereka masalah utama dalam penggunaan buku teks adalah sikap negatif guru-guru dan pelajar-pelajar dalam penggunaan buku teks tersebut.

Farr (1975) Buku teks masih digunakan sebagai asas pengajaran dalam kebanyakan mata pelajaran di sekolah.

Pallegrini (1976) telah mengkaji sejauh mana guru-guru sejarah di sekolah menengah menggunakan buku teks dan sebab-sebab buku teks perlu digunakan. Dapatan utamanya ialah secara keseluruhan guru menyatakan mereka menggunakan buku teks kerana buku itu perlu digunakan. Mereka menggunakan buku teks hampir kebanyakan masa

pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga berpendapat buku teks sebagai sumber utama untuk mendapatkan isi sukatan pelajaran.

Setelah membuat kajian mengenai penggunaan buku teks dalam tahun 1950-an di Amerika Hubert H. Mills dan Harl R. Douglas [Imam Hanafi Soedjiantno *et. al.* (1981)] mendapati guru-guru umumnya sangat bergantung kepada buku teks dalam usaha melaksanakan tugas.

Kajian oleh Armitage *et. al.* (1986) pula mendapati di Brazil murid yang diberi buku teks mencapai markah 10% lebih tinggi dalam ujian matematik dan Bahasa Portugis daripada mereka yang tidak mempunyai buku teks.

Pendapat di atas disokong pula Lockheed, Vail dan Fuller (1987) yang mendapati analisis sampel kebangsaan di Thailand yang terdiri daripada 99 orang guru dan 4030 orang pelajar dalam mata pelajaran matematik menunjukkan bahawa penggunaan buku teks mempengaruhi pencapaian pengajaran guru dan kecekapan pelajar.

Kajian Woodward (1987) mendapati hampir keseluruhan atau 90% masa pengajaran dan pembelajaran di sekolah di Amerika Syarikat menggunakan buku teks. Pemerhatiannya juga menunjukkan kebanyakan guru sangat bergantung kepada buku teks dan buku panduan. Guru-guru mengajar berdasarkan isi yang terkandung dalam buku teks.

Ornstein (1990) pula menyatakan bahawa secara tradisional buku teks merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang paling kerap digunakan pada semua peringkat dan dalam sesetengah kes merupakan satu-satunya bahan yang digunakan oleh guru.

1.7 TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

Tinjauan kajian berkaitan buku teks dapat memberikan asas dan sumber maklumat mengenai latar belakang secara umum buku - buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah. Gwynn (1960) menyatakan antara masalah dalam penggunaan buku teks adalah kandungan buku teks dan ilustrasi yang tidak kemaskini, teks tidak memberikan gambaran atau penjelasan sebenar mengenai masyarakat, sejarahnya, adat resam, pertumbuhan perindustrian atau saintifik dan teks juga tidak dapat mengendalikan isu-isu dan tajuk-tajuk yang kontroversi dengan baik.

Oleh sebab itu Tanner (1988) telah merumuskan keperluan untuk meningkatkan mutu buku teks seperti yang telah dicadangkan melalui laporan '*National Commission on Excellence in Education*' pada tahun 1983, iaitu antaranya ialah perlunya penilaian buku teks yang sistematik melalui '*field trials*' dan lain-lain cara dan perlunya peningkatan buku teks sebagai tindak balas kepada tentangan-tentangan yang ditimbulkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu mengenai idea yang kontroversi, masalah-masalah dan isu-isu dalam buku teks.

Berhubung dengan masalah penilaian dan pemilihan bahan pengajaran dan pembelajaran, Tyler dan Klein (1973) menegaskan bahawa bertambahnya kepentingan masalah

penilaian bahan pengajaran dan pembelajaran adalah akibat daripada pembaharuan kurikulum, bertambahnya ilmu pengetahuan pembelajaran dan perbezaan individu dan bertambahnya kesedaran untuk mempertingkatkan keberkesanan pendidikan untuk semua kaum dan budaya.

Doran dan Sheard (1974) pula menyatakan cara kandungan buku teks dipersembahkan boleh mempengaruhi bagaimana pelajar boleh belajar dengan menggunakannya. Pertimbangan diberi kepada bagaimana bahan kandungan disusun iaitu sama ada buku teks itu mempunyai tema utama dan unit-unit yang ada dalam buku itu merupakan asas untuk membina ke arah tema utama. Bab-bab buku teks perlu mengikut urutan yang logik dan menjelaskan perkaitan antara bahagian-bahagian. Didapati bahawa mereka menekankan aspek susunan bahan kandungan buku teks sesuatu yang penting dalam usaha menggalakkan penggunaan buku teks.

Selain itu penggunaan ilustrasi termasuklah gambar, gambar foto, carta, graf, gambar rajah dan sebagainya dapat mempengaruhi penggunaan buku teks. Duchastel (1978) menjelaskan terdapat tiga peranan ilustrasi dalam teks:

1. '*an attentional role*' iaitu ilustrasi dapat menambahkan minat dan motivasi terhadap teks yang dibaca.
2. '*an explicative role*' iaitu menjelaskan lagi sesetengah aspek atau tajuk serta membantu dalam pemahaman perhubungan yang kompleks, dan
3. '*a retentional role*' iaitu memberi kesan daya ingatan yang lebih lama daripada menggunakan perkataan sahaja.

Greene dan Petty (1985) juga turut berpendapat bahawa ilustrasi yang bewarna dan menarik yang bertaburan dalam buku menambahkan minat kepada persembahan, boleh menjadi alat motivasi yang penting.

Revolusi maklumat yang pertama berlaku lebih 5,000 tahun lalu di Mesopotamia dengan penciptaan tulisan, dan secara berasingan berlaku beberapa ribu tahun kemudian di China dan kira-kira 1,500 tahun selepas itu di Maya Amerika. Revolusi maklumat kedua berlaku menerusi penghasilan buku pada 1,300 sebelum masehi di China dan 800 tahun kemudian di Greece. Revolusi ketiga pula berlaku antara 1450 hingga 1455 apabila Gutenberg mencipta mesin cetak pertama di dunia. Sebelum itu buku dihasilkan secara tulisan tangan dan khabarnya kira-kira empat muka surat dapat ditulis dalam sehari atau 23 halaman seminggu.

Ledakan teknologi maklumat dengan penggunaan jaringan informasi yang dikenali '*World Wide Web*' (WWW) menjadikan dunia pendidikan semakin mencabar. Gelombang populariti internet merupakan perkembangan paling penting dalam industri komputer semenjak komputer peribadi IBM dilancarkan pada 1981.

Dalam era globalisasi dan teknologi maklumat ini pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan gabungan teknologi komputer, media interaktif dan internet dapat bertindak sebagai pemangkin kepada dinamika pendidikan di sekolah khususnya dalam konteks

pembastarian dan kesejagatan pendidikan. Kepentingan menggunakan bahan media pengajaran selain buku ditegaskan oleh para sarjana seperti di bawah:

Penggunaan media dalam pendidikan atau proses pengajaran dan pembelajaran telah berlaku sejak zaman dahulu lagi. Isu-isu ini telah disentuh oleh pakar-pakar pendidikan seperti Aristotle, Jean Jacque, Rousseu, Johann Henriah Pestolazzi hingga ke zaman John Dewey. Mereka menekankan betapa bahayanya pengajaran menggunakan dialog sahaja, menggunakan perkataan-perkataan tanpa dimengertikan apa-apa oleh para pelajar dan konsep yang diperolehi secara hafalan bukannya berdasarkan kefahaman (Abd. Wahab Sudin 1990).

Snider (1992) menyatakan bahawa penggunaan komputer dan internet dapat memberi kesan positif terutama dari segi latihan tubi dan ciri-ciri intraktif komputer pula dapat meransang dan mengekalkan minat pelajar.

Pendapat di atas disokong pula Zalilah Ibrahim (1992) yang menyatakan peranan media teknologi pendidikan menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih konkrit, praktikal dan menarik dari segi penglihatan, pendengaran, penyelidikan, dan pembuatan.

Sims (1993) dalam kajiannya menyatakan negara-negara maju telah menggunakan komputer di semua peringkat dalam pendidikan.

Hasil kajian Goldberg (1993) menegaskan penggunaan komputer dan telekomunikasi yang membolehkan perhubungan melalui video dan komputer akan menjadi teknologi pendidikan yang utama dalam bilik-bilik darjah pada masa akan datang. Ini bermakna pengajaran dan pembelajaran akan datang lebih menjurus ke arah penggunaan ciri interaktif komputer khasnya internet.

Snetsinger (1995) pula menjelaskan penggunaan komputer meransang penglibatan kelas yang intraktif dan pelajar akan memainkan peranan terhadap pembelajaran sendiri. Ini membuka peluang kepada perkembangan intelektual, interpersonal serta melatih pelajar menyelesaikan masalah pembelajaran secara kreatif melalui kaedah kooperatif dan individu.

Bannet (1996) menyarankan bahawa aplikasi komputer yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mempunyai kelebihan berbanding dengan pendekatan tradisional kerana kandungannya tidak statik. Oleh sebab itu perisian komputer sentiasa berubah dan dapat diadaptasikan bagi memenuhi perkembangan dan keperluan pendidikan semasa.

William Bove (1996) hasil kajiannya mengenai pengajaran dan pembelajaran menggunakan media teknologi pendidikan dengan buku teks sains, mendapati pelajar lebih mudah memahami dan mengingat pelajaran menggunakan media teknologi pendidikan berbanding buku teks sahaja.

Johnson (1996) pula menyenaraikan tiga kegunaan komputer dalam pendidikan:

1. meningkatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran,
2. mengautomasikan proses pengajaran dan pembelajaran (*automating instruction*)
dan
3. sebagai alat untuk memproses maklumat untuk meningkatkan produktiviti.

Hasil kajian oleh Philips & Pead (1994) pula menunjukkan bahawa multimedia bukanlah satu cara baru dalam bidang pengajaran. Sebaliknya ia adalah hanya satu idea pengajaran yang berterusan daripada perkembangan komputer.

Penggunaan bahan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan pemahaman yang lebih kerana menurut Abd Aziz Kulop (2000) bahan multimedia mempunyai pelbagai kelebihan antaranya ia merangkumi beberapa media teknologi seperti teks yang dapat menerangkan sesuatu secara lisan, grafik dapat memberi gambaran dan cara untuk berhubung, muzik memberi kesan terhadap personality dan mood seseorang, manakala video pula berkeupayaan menyimpan maklumat yang besar dan banyak untuk dicapai.

Pernyataan Abd Aziz Kulop ini diperkuatkan lagi oleh pernyataan Halal & Liebowitz (1994) yang menyatakan bahawa bahan pengajaran multimedia yang dibangunkan membolehkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan ilmu. Ini kerana bahan pengajaran multimedia interaktif kini mampu memberi penerangan bagi setiap soalan dengan gambar yang bergerak, suara dan pelbagai kombinasi warna yang menarik tidak hanya paparan

teks semata mata. Ini tentu sahaja dapat meransang minat pelajar untuk mencuba ikon-ikon yang terdapat pada bahan pengajaran multimedia interaktif tersebut. Di samping itu para pelajar juga dapat menggunakannya pada bila-bila masa dan dapat mengulangi sesuatu konsep yang tidak difahami. Keupayaan para pelajar mengawasi pembelajaran ini dapat membentuk pelajar yang aktif dalam setiap tindakbalas.

Abd. Razak *et. al.* (1998) pula menerangkan bahawa penggunaan komputer multimedia menyediakan cara penyampaian yang lebih fleksibel kerana pengajaran dapat dirancang dan diubah dari semasa ke semasa tanpa bergantung kepada guru semata-mata.

Sims (1998) pula menegaskan bahawa interaksi memberi kesan yang mendalam dalam pembelajaran, sekaligus meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami sesuatu dengan lebih cepat dan menyimpan maklumat dalam ingatan jangka panjang.

Thomas (1996) menyatakan bahawa bahan pengajaran multimedia interaktif yang dilengkapi dengan audio, grafik, dan animasi dipercayai dapat menarik minat pelajar supaya mereka tidak merasa bosan dan dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap proses pembelajaran.

Mengikut Slatin & Sharir (1996) pula berpendapat pengajaran yang menggunakan bahan pengajaran multimedia interaktif boleh membawa pelajar-pelajar untuk menerokai alam yang sebenar. Pelajar-pelajar akan dapat berinteraksi dengan ilmu, ini berbeza jika ilmu hanya disampaikan dengan cara tradisional. Penggunaan komputer dalam bidang

pendidikan telah memindahkan perhubungan antara pelajar dan guru kepada pelajar dan ilmu. Perpindahan ini dianggap positif untuk mendekatkan seseorang kepada dunia keilmuan.

Hasil kajian Staley (1995) juga mendapati multimedia dan interaktif video digabungkan dengan '*Computer Aided Learning*' (CAL) telah memberi kesan positif dalam sistem pengajaran masa kini.

Walau bagaimanapun pendapat Johnson, Cox & Watson (1994) perlu diberi perhatian. Ini kerana menurut mereka bahan pengajaran multimedia interaktif yang digunakan bagi tujuan pendidikan mungkin tidak ideal bagi semua mata pelajaran. Ini terbukti di mana satu kajian telah dijalankan ke atas pencapaian pelajar di United Kingdom. Seramai 2300 orang pelajar dari 87 kelas sekolah rendah dan menengah telah mengambil bahagian. Mata pelajaran yang dipilih adalah Matematik, Sains, Geografi dan Bahasa Inggeris. Hasil kajian mendapati kesan yang sangat positif dalam mata pelajaran Matematik dan Geografi tetapi tidak ke atas mata pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris.

Halangan lain menggunakan bahan multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang turut perlu diberi perhatian pihak yang bertanggungjawab adalah masalah penggunaan bahan itu sendiri. McKenzie (1999) dalam artikel bertajuk '*How teachers learn technology best*' menceritakan tentang keadaan di sebuah sekolah di Amerika Syarikat yang telah mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk melengkapi sekolah dengan perkakasan dan perisian dan latihan tetapi penggunaannya hanya 25%

daripada masa pengajaran di sekolah. Makmal ini kosong sebanyak 75% masa pengajaran dan pembelajaran.

Pelajar dan guru telah didedahkan dan diajar tentang penggunaan MS Excel tetapi apabila ditanya sama ada perisian ini digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran Matematik atau Sains jawapannya tidak! Walaupun mereka tahu menggunakan perisian tersebut tetapi mereka gagal mengenal pasti nilai perisian tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. McKenzie mentakrifkan keadaan ini sebagai '*software trap*'. Pendek kata, guru-guru tidak tahu apa hendak dibuat dengan komputer dan bagaimana menggunakannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Masalah akses kepada teknologi komunikasi dan maklumat juga menjadi masalah yang utama di Malaysia. Ini kerana 83% masyarakat Malaysia di kawasan luar bandar dan 60% di kawasan bandar mendapati akses kepada teknologi komunikasi dan maklumat terlalu mahal. Di Malaysia terdapat 1.5 juta rakyatnya menggunakan Intenet, 50% daripada mereka berada di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Ini mewujudkan jurang digital yang ketara dalam masyarakat Malaysia (Education Quaterly 2001).